

03 NOV 2000

Mahathir-Jihad

JIHAD MEMBINA KEUPAYAAN NEGARA BANTU NEGARA ISLAM LAIN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak para ulama menghayati konsep jihad yang sebenar, yang menurutnya ialah membina kekuatan negara termasuk daripada segi pertahanan.

Menurut Dr Mahathir, dengan itu kita dapat menjadi sama kuat dan sama maju dengan negara maju lain supaya dapat memartabatkan Islam di samping membantu negara-negara Islam lain.

Perdana Menteri berkata, jihad yang sebenar ialah membuat persediaan supaya umat Islam menjadi umat yang cukup kuat dan dapat mempertahankan diri.

"Untuk itu, kita perlukan negara yang aman, ditadbir dengan baik, yang dapat mengumpul wang, dapat mengadakan institusi pengajian tinggi supaya segala ilmu dapat dikuasai umat Islam," katanya ketika merasmikan Multaqa (perjumpaan) Ulama Malaysia ke-5 di sini, hari ini.

Sambil menegaskan bahawa Malaysia tidak bercita-cita besar untuk menjadi kuasa dunia beliau berkata, namun Malaysia mempunyai kesedaran untuk maju dan sedikit sebanyak dapat membela negara-negara Islam lain terutamanya yang ditindas.

Beliau berkata, jika pemahaman jihad itu dihayati secara meluas oleh umat Islam dan dapat dizahirkan, beliau percaya orang akan menghormati umat Islam dan tidak lagi akan menindas orang Islam di mana-mana jua pun.

Menyedari bahawa pada masa ini belum ada negara Islam yang merupakan kuasa besar, Dr Mahathir berkata Malaysia telah berusaha dengan sedikit keupayaan yang ada dan menghantar 1,500 anggota tentera untuk melindungi umat Islam di Bosnia walaupun sebelum itu Malaysia tidak tahu pun ada orang Islam di Eropah.

"Itu dapat kita buat kerana kita ada kemampuan sedikit," dan beliau mengingatkan kira-kira 130 ulama yang menyertai perjumpaan itu bahawa pentingnya ada negara Islam yang menjadi kuasa dunia.

Beliau berkata kalaulah ada negara Islam bertaraf kuasa dunia yang boleh mencipta segala alatan perang sendiri dan berkebolahan mengeluarkan alatan yang canggih yang tiada pada orang lain, nescaya umat Islam tidak akan ditindas.

"Kalau mereka menindas, maka negara Islam yang menjadi kuasa dunia itu boleh bertindak, boleh mengancam orang yang menindas orang Islam... tetapi kini tiada satu pun negara Islam yang boleh dianggap kuasa dunia," katanya.

Beliau berkata itulah antara sebabnya umat Islam dipandang hina dan orang Islam sewenang-wenangnya dibunuh termasuk kanak-kanak di Palestin.

Menurut Perdana Menteri persepsi dunia terhadap orang Islam pada masa ini ialah orang Islam lemah dan tidak boleh berbuat apa-apa.

"Jika kita tidak berusaha sama sekali menguasai ilmu-ilmu yang boleh menolong kita maka mereka akan teruskan penindasan.

"Saya percaya kita bersalah kerana ada benda yang kita boleh buat untuk orang Islam tetapi kita bukan sahaja tidak buat tetapi kita asyik bertengkar sesama sendiri berkenaan tafsiran agama," katanya

Beliau berkata penting bagi umat Islam di Malaysia termasuk para ulama menguasai pelbagai ilmu moden seperti kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi selain ilmu-ilmu agama.

"Jika kita tumpu kepada perbezaan pandangan itu sahaja dan tidak tumpukan kepada pertahanan umat Islam, saya fikir kita telah mengabaikan ajaran agama," katanya.

Sebab itu amat penting ulama di Malaysia memahami apa yang sedang

dilakukan di negara kita, kata Perdana Menteri, yang menambah bahawa berjihad tidak bererti membunuh orang sebaliknya, "Jihad kita ialah jihad ke arah membangunkan negara supaya sekurang-kurangnya dapat mempertahankan umat Islam."

Dr Mahathir berkata Malaysia ingin menjadi negara contoh kepada negara Islam lain yang lebih berkemampuan supaya mereka dapat faham bahawa pemulihan kekuatan negara-negara Islam adalah sebahagian daripada apa yang diwajibkan oleh agama.

"Kalau kita dapat menunjukkan contoh, saya yakin negara-negara Islam akan berusaha untuk mengukuhkan negara mereka dan dapat berganding bahu untuk mempertahankan umat Islam," katanya.

Beliau berkata dalam era maklumat, globalisasi akan menukar kekuatan negara-negara yang cekap menggunakan maklumat, menentukan mereka dapat menguasai dunia secara berkekalan yang merupakan suatu keinginan di kalangan bekas negara penjajah untuk terus menakluki negara-negara Islam.

Dengan teknologi maklumat, Perdana Menteri berkata kemungkinan mereka menakluki semula negara-negara Islam adalah amat nyata sekali.

Multaqa itu berlangsung selama empat hari bermula semalam dan akan membincangkan empat kertas kerja termasuk oleh ulama terkemuka Prof Dr M.A Zaki Badawi, Dekan Muslim College London yang pernah terlibat dalam penubuhan Kolej Islam Klang.

-- BERNAMA

MNY MNY PR